



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang elektrik (Pindaan)

DR.12/1984

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Elektrik 1949 dan Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Elektrik (Pindaan) 1984.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), (4) dan (5), Akta ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1984.

(3) Seksyen 8 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Oktober 1982.

(4) Seksyen 18, 21, 24, 25 dan 26 hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(5) Seksyen 31—

(a) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa di seluruh Malaysia, kecuali Sarawak, pada 1hb Januari 1984; dan

(b) hendaklah berkuatkuasa di Sarawak pada tarikh Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 mula berkuatkuasa di Negeri itu.

Akta 277.

2. Akta Elektrik 1949, yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "apparatus" di mana jua ianya terdapat, dengan perkataan "equipment".

Penggantian perkataan "apparatus" dengan perkataan "equipment".
Akta 116.

Pindaan
seksyen 2.

3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong tafsiran bagi perkataan “apparatus”;
- (b) dengan memotong tafsiran bagi perkataan-perkataan “area of supply”;
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “or by a licensee, or by the management or the owner of an installation, or by a contractor, for the time being, to the Board, licensee, management or owner,” yang terdapat dalam tafsiran bagi perkataan-perkataan “authorized person” dengan perkataan-perkataan “or by a contractor acting as an agent for and on behalf of the Board,”;
- (d) dengan menggantikan tafsiran bagi perkataan “danger” dengan tafsiran yang berikut:

“danger” means danger to health or to human life or limb from shock, burn, or other injury and includes danger to property or installation or equipment resulting from the generation, transmission, distribution or utilisation of energy;”
- (e) dengan memasukkan selepas tafsiran bagi perkataan “dishonestly”, tafsiran yang berikut:

“electricity” means an article as provided for in section 3 of the *Act 139.* Factories and Machinery Act 1967;”;
- (f) dengan menggantikan tafsiran bagi perkataan “energy” dengan tafsiran yang berikut:

“energy” means electrical energy or electricity when generated, transmitted, supplied or used for any purposes except the transmission of any communication or signal;”;
- (g) dengan memasukkan selepas tafsiran bagi perkataan “energy”, tafsiran yang berikut:

“equipment” includes any item for such purposes as generation, conversion, transmission, distribution or utilisation of electrical energy, such as machines, transformers, apparatus, measuring instruments, protective devices, wiring materials, accessories and appliances;”;

- (h) dengan memasukkan selepas tafsiran bagi perkataan-perkataan "extra high voltage" tafsiran yang berikut :

" "financial year" means a year which is determined by the Board;";

- (i) dengan menggantikan tafsiran bagi perkataan "licence" dengan tafsiran yang berikut :

Act 277. " "licence" has the meaning assigned thereto in the Electrical Inspectorate Act 1983 and includes any licence continued in force by section 94;";

- (j) dengan memotong tafsiran bagi perkataan-perkataan "private installation"; dan

- (k) dengan memasukkan selepas perkataan "railways," yang terdapat dalam tafsiran bagi perkataan-perkataan "public safety", perkataan-perkataan "airport, ports,".

4. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (e) subseksyen (1) dengan perenggan yang berikut :

Pindaan
seksyen 15.

"(e) to make regulations, in accordance with this Act, governing the generation, transmission, distribution and use of energy :

Act 277. Provided that the regulations made under this paragraph shall conform to the standards of safety and shall not be inconsistent with the requirements of the Electrical Inspectorate Act 1983; and".

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 20.

Pemotongan
seksyen 20.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 41.

Pemotongan
seksyen 41.

7. Subseksyen (1) seksyen 44 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "the Board may," perkataan-perkataan "subject to the approval of the Minister,".

Pindaan
seksyen 44.

Seksyen-
seksyen
44A dan 44B.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan di bawah tajuk "*Acquisition of Installation*" dan selepas seksyen 44, seksyen-seksyen baru yang berikut :

"Takeover
and
acquisition
of public
or private
installation.

44A. (1) The Board may, with the approval of the Minister, take over or acquire, as the case may be, a public or private installation or part thereof belonging to a licensee.

(2) Notwithstanding any written laws or any written agreements to the contrary, upon the taking over or acquisition of a public or private installation, or part thereof, belonging to a licensee, all movable and immovable assets, liabilities, titles, rights, interests in, deeds, bonds, agreements, instruments and working agreements subsisting immediately before the takeover or acquisition, as the case may be, affecting any such installation or licensee, shall be of as full force and effect against or in favour of the Board and enforceable as if, instead of the licensee or any person acting on behalf of the licensee, the Board had been named therein or had been a party thereto.

(3) Where the Board takes over any installation belonging to a licensee under this section, the compensation payable shall be determined in accordance with any arrangements arrived at between the Board and the licensee.

(4) Where the Board acquires any installation belonging to a licensee under this section, the compensation payable shall, in default of agreement, be determined by arbitration upon the basis as set out in section 57.

Pending
pro-
ceedings.

44B. Any proceedings or causes of action pending or existing before the takeover or acquisition, as the case may be, of any public or private installations, or part thereof, belonging to a licensee, by or against the licensee, or any debt owing to or by the licensee, may be continued or enforced by or against the Board."

9. Subseksyen (2) seksyen 45 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "The Board may require" dengan perkataan-perkataan "The Board may, with the approval of the Minister, require". Pindaan seksyen 45.

10. Subseksyen (1) seksyen 47 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Where—" dengan perkataan-perkataan "Subject to the approval of the Minister, where—". Pindaan seksyen 47.

11. Subseksyen (1) seksyen 49 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "The Board and any licensee of a public installation may" dengan perkataan-perkataan "The Board and any licensee of a public installation may, subject to the terms and conditions of a licence,". Pindaan seksyen 49.

12. Seksyen 51 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan "or to a licensee" yang terdapat dalam subseksyen (1);
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan "or the licensee" di mana jua terdapat dalam subseksyen (1); dan
- (c) dengan memotong perkataan-perkataan "or licensee" yang terdapat dalam subseksyen (1).

Pindaan seksyen 51.

13. Seksyen 53 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan "or a licensee" yang terdapat dalam subseksyen (1);
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan "or licensed installation, as the case may be," yang terdapat dalam subseksyen (1);
- (c) dengan memotong perkataan-perkataan "or the licensee as the case may be," yang terdapat dalam subseksyen (2);
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan "may with the permission of the State Authority," yang terdapat dalam subseksyen (2) dengan perkataan "shall";
- (e) dengan menggantikan perkataan-perkataan "State Authority" yang terdapat dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "Collector of Land Revenue";
- (f) dengan memotong perkataan-perkataan "or licensee, as the case may be," yang terdapat dalam subseksyen (3);

Pindaan seksyen 53.

- (g) dengan memotong perkataan-perkataan "or licensee, as the case may be" di mana jua terdapat dalam subseksyen (4);
- (h) dengan memotong perkataan-perkataan "to the State Authority and" yang terdapat dalam subseksyen (4);
- (i) dengan memotong perkataan-perkataan "or licensee, as the case may be," yang terdapat dalam subseksyen (5);
- (j) dengan menggantikan perkataan-perkataan "State Authority" di mana ianya mula-mula terdapat dalam subseksyen (6) dengan perkataan-perkataan "Collector of Land Revenue";
- (k) dengan menggantikan noktah bertindih dalam subseksyen (6) dengan noktah dan dengan memotong proviso kepadanya;
- (l) dengan menggantikan subseksyen (7) dengan subseksyen yang berikut :

"(7) Upon the conclusion of the enquiry, the Collector of Land Revenue may, either unconditionally or subject to such terms, conditions and stipulations as he thinks fit, make an order authorizing or prohibiting any of the acts mentioned in the notice given under subsection (2); and any party who is dissatisfied with the Collector's order may appeal against such an order to the State Authority who may then uphold, set aside or vary the order upon such terms, conditions and stipulations as it thinks fit.";

- (m) dengan menggantikan perkataan-perkataan "making an order" yang terdapat dalam subseksyen (8) dengan perkataan-perkataan "upholding, setting aside or varying the order"; dan
- (n) dengan memasukkan selepas subseksyen (9), subseksyen yang berikut :

"(9A) Notwithstanding any written laws relating to land matters, the Registrar—

- (a) upon the production to him of the notice issued by the Board under subsection (2) together with a no-objection statement by the Collector of Land Revenue which is endorsed upon such notice; or

- (b) upon the production to him of the original and the deposit with him of a certified copy of an order made under subsection (7),

shall cause to be made on the register document of title relating to the land affected by the notice or order as the case may be, a note of the existence of the rights under the notice or order, as the case may be.”

14. Seksyen 54 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 54.

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “maintaining or repairing”, perkataan-perkataan “or safeguarding the safety of”;
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan “or licensed installation”;
- (c) dengan memotong perkataan-perkataan “or licensee, as the case may be,”; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan “on, under or over” dengan perkataan-perkataan “on, under, over or near”.

15. Seksyen 55 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 55.

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “or the licensee, as the case may be,” di mana jua terdapat dalam subseksyen (1), (2) dan (3);
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “a public officer” yang terdapat dalam perenggan (b) subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “the Collector of Land Revenue”;
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “the Board or licensed installation, as the case may be,” yang terdapat dalam subseksyen (4) dengan perkataan-perkataan “the Board installation”;
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan “on State land, whether by a licensee or by the Board” yang terdapat dalam subseksyen (5) dengan perkataan-perkataan “on State land by the Board”.

Pindaan
seksyen 56.

16. Seksyen 56 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “or a licensee” yang terdapat dalam perenggan (a) subseksyen (1); dan
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan “or the licensee” yang terdapat dalam subseksyen (4).

Pindaan
seksyen 57.

17. Seksyen 57 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “the acquisition of an installation or part of an installation under section 44” yang terdapat dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “the acquisition or takeover, as the case may be, of an installation or part of an installation under section 44 or section 44A”;
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “section 44 or 46.” yang terdapat dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “section 44, 44A or 46.”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “sections 44 and 46” yang terdapat dalam nota birai dengan perkataan-perkataan “sections 44, 44A and 46”.

Pindaan
seksyen 64.

18. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 64 dengan seksyen yang berikut :

“Power to
inspect
and seize.

64. (1) For the purposes of inspecting any part of an installation or fitting, removing meters or other instruments for measuring the quantity of energy supplied, making or removing connections between mains and private fittings, repairing damage, or for other proper cause, the Chairman or any person authorized by the Chairman may, at all reasonable times, enter upon any lands, houses or buildings to which energy has been, is or will be supplied, and such person may seize any article or thing which is reasonably suspected to be an article or thing concerning an offence under this Act or by which such an offence has been committed.

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (a), perenggan yang berikut:

“(aa) the existence of artificial means which, either alone or in conjunction with additional artificial means not found, is used to tamper with or adjust any installation or part thereof so as to cause or to be likely to cause danger to human life or limb or injury to any apparatus or other property,”;

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (b), perenggan yang berikut:

“(ba) the existence of artificial means, either alone or in conjunction with additional artificial means not found, would injure any meter or other instrument used on or in conjunction with any Board installation for recording the output or consumption of energy,”;

(d) dengan menggantikan subperenggan (iii) perenggan (c) dengan subperenggan yang berikut:

“(iii) the interference with any part or connection of,

any equipment in the circumstances that the fitting, absence, removal or interference would facilitate the tampering with or adjustment to any installation causing or likely to cause danger to human life or limb or injury to any apparatus or other property, or would prevent and facilitate the prevention of any meter or other instrument from duly registering the quantity of energy supplied, or would facilitate the dishonest abstraction, consumption or use of energy, or would facilitate the injury to any meter or other instrument used on or in connection with any Board installation for recording the output or consumption of energy,”;

- (e) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "shall be prima facie evidence that there has been" yang terdapat selepas perenggan (c), perkataan-perkataan "tampering with or adjustment to an installation or part thereof"; dan
- (f) dengan menggantikan perkataan-perkataan "that the dishonest alteration, prevention, abstraction, consumption or use" yang terdapat dalam perenggan (i) dengan perkataan-perkataan "that the tampering or adjustment or the alteration, prevention, abstraction, consumption or use or the injury to any meter".

Pindaan
seksyen 89.

27. Seksyen 89 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "any" di mana jua terdapat dalam perenggan (k) subseksyen (1), perkataan "Board"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "operation of" yang terdapat dalam perenggan (k) subseksyen (1), perkataan "Board".

Pemotongan
seksyen 90.

28. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 90.

Seksyen
baru 91A.

29. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 91, seksyen yang berikut:

"Civil and
criminal
proceedings.

91A. Notwithstanding the provisions of any written law, any officer or servant of the Board authorized in that behalf by the Board by notification in the *Gazette*, may—

- (a) institute and conduct any civil proceedings on behalf of the Board;
- (b) in any civil proceedings by or against the Board, appear on behalf of the Board; and
- (c) institute and conduct, on behalf of the Board, and appear in, any criminal prosecutions in relation to any offence prescribed under the Act,

and may make and do all appearances, acts and applications in respect of such proceedings in any Court in the States of Malaya."

(2) A person authorized under subsection (1) who seeks to enter, under the powers conferred by that subsection, any lands, houses or buildings to which energy has been, is or will be supplied, shall carry, and shall produce on demand, an official identification card or badge in such form as may be prescribed.

(3) No person shall be obliged to admit to his land, house or building any person purporting to be a person authorized under subsection (1) except upon production of the identification card or badge as provided under subsection (2)."

19. Seksyen 65 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 65.

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan "or a licensee"; dan
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan "or the licensee in that behalf".

20. Seksyen 66 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 66.

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan "and any licensee" yang terdapat dalam subseksyen (1);
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan "or the licensee, as the case may be," yang terdapat dalam perenggan (a) subseksyen (2);
- (c) dengan memotong perkataan-perkataan "or a licensee, as the case may be," yang terdapat dalam subseksyen (3);
- (d) dengan memotong perkataan-perkataan "or licensee, as the case may be" yang terdapat dalam subseksyen (3); dan
- (e) dengan memotong perkataan-perkataan "or on the part of the licensee, his agents or servants, as the case may be," yang terdapat dalam subseksyen (3).

21. Seksyen 75 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 75.

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "or wires" yang terdapat dalam subseksyen (1), perkataan-perkataan "or do any other things"; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1), subseksyen yang berikut:

“(1A) If any of the acts referred to in subsection (1) has been carried out by a person without first obtaining permission from the Board, the Board shall have the right to remove any impediments arising therefrom or may take such other action as may be necessary to terminate the interference or repair the damages to any electrical works or equipment referred to in subsection (1); and the costs incurred in removing or terminating the interference, or repairing the damage shall be defrayed by the person causing the interference or damage.”.

Pindaan
seksyen 77.

22. Seksyen 77 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “and when any electric wires, meters, fittings, works or apparatus belonging to a licensee have been placed in or upon premises, not owned or occupied by the licensee, for the purpose of supplying or measuring energy,”.

Pindaan
seksyen 84.

23. Seksyen 84 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “any licensee or management” dengan perkataan-perkataan “the Board”.

Pindaan
seksyen 85.

24. Seksyen 85 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “or a licensee” yang terdapat dalam subseksyen (1) dan (5);
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “section 86 (3),” yang terdapat dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “subsections (1), (3) and (8) of section 86,”;
- (c) dengan memotong perkataan-perkataan “or the licensee” yang terdapat dalam subseksyen (1);
- (d) dengan memotong perkataan-perkataan “or the licensee, as the case may be,” yang terdapat dalam subseksyen (1);
- (e) dengan memotong subseksyen (2) dan (4);
- (f) dengan memotong perkataan-perkataan “or licensee, as the case may be,” yang terdapat dalam subseksyen (3) dan (4B);

- (g) dengan menggantikan perkataan-perkataan "one month" yang terdapat dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan "three months";
- (h) dengan memotong perkataan-perkataan "or by the licensee," yang terdapat dalam subseksyen (4B);
- (i) dengan memotong perkataan-perkataan "or licensee" yang terdapat dalam perenggan (a) subseksyen (4B);
- (j) dengan memotong perkataan-perkataan "or licensee, as the case may be" yang terdapat dalam subseksyen (4c);
- (k) dengan memotong perkataan-perkataan "and no approval of the notice given by the Board under subsection (2)" yang terdapat dalam subseksyen (5); dan
- (l) dengan memotong perkataan-perkataan "or employee of a licensee" yang terdapat dalam subseksyen (5).

25. Seksyen 86 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 86.

- (a) dengan memotong perkataan "wilfully" yang terdapat dalam subseksyen (1) dan (8);
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "property" yang terdapat dalam subseksyen (1), perkataan-perkataan "in relation to an offence under section 86 (3) (a).";
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "to imprisonment for a term not exceeding five years" yang terdapat dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "to a fine not exceeding fifteen thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both";
- (d) dengan memotong perkataan-perkataan "or any licensed installation" yang terdapat dalam subseksyen (8) dan dalam subperenggan (iv) perenggan (a) subseksyen (3);

- (e) dengan menggantikan perkataan-perkataan "to a fine not exceeding five hundred dollars." yang terdapat dalam subseksyen (8) dengan perkataan-perkataan "to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.";
- (f) dengan memotong perkataan-perkataan "or of the owner or licensee, as the case may be," yang terdapat dalam subseksyen (10);
- (g) dengan menggantikan perkataan-perkataan "to a fine not exceeding five hundred dollars or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both." yang terdapat dalam subseksyen (11) dengan perkataan-perkataan "to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.";
- (h) dengan menggantikan perkataan-perkataan "to a fine not exceeding five hundred dollars" yang terdapat dalam subseksyen (12) dengan perkataan-perkataan "to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both";
- (i) dengan menggantikan perkataan-perkataan "to a fine not exceeding fifty dollars" yang terdapat dalam subseksyen (12) dengan perkataan-perkataan "to a fine not exceeding five hundred ringgit";
- (j) dengan menggantikan perkataan-perkataan "to a fine not exceeding five hundred dollars" yang terdapat dalam subseksyen (14) dengan perkataan-perkataan "to a fine not exceeding one thousand ringgit"; dan
- (k) dengan menggantikan perkataan-perkataan "to a fine not exceeding fifty dollars" yang terdapat dalam subseksyen (14) dengan perkataan-perkataan "to a fine not exceeding one hundred ringgit".

26. Seksyen 87 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "section 86 (3)," dengan perkataan-perkataan "subsections (1), (3) and (8) of section 86,";

30. Jadual Keempat kepada Akta ibu adalah dipinda— Pindaan
Jadual
Keempat.

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “(or Take notice that I, C.D.....ofbeing the holder of a licence dated.....under the Electricity Act 1949, am)”;
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “The State Authority” dengan perkataan-perkataan “The Collector of Land Revenue”; dan
- (c) dengan memotong perkataan-perkataan “or Licensee”.

31. Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 adalah dipinda— Pindaan
Akta Jemaah
Pemeriksa
Elektrik
1983.
Akta 277.

- (a) dengan memasukkan selepas tafsiran “ditetapkan” dalam seksyen 2, tafsiran yang berikut:

“elektrik” melainkan jika ditakrifkan selainnya adalah suatu benda sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 3 Akta Kilang dan Jentera 1967;”

Akta 139.

- (b) dengan memotong semua perkataan yang terdapat selepas perkataan-perkataan “suatu bentuk perhubungan atau isyarat;” dan rujukan birainya dalam tafsiran bagi perkataan “tenaga” dalam seksyen 2;
- (c) dengan memasukkan selepas seksyen 9, seksyen yang berikut:

“Talian bekalan dan ke-
lengkapan
lain atas
tanah
Kerajaan.

9A. (1) Tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan kepada syarat-syarat yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Negeri, sesuatu lesen boleh membenarkan pemegang lesen meletak, menempatkan atau membawa atas, di bawah atau di atas tanah Kerajaan, setakat dan mengikut cara yang dinyatakan dalam lesen, talian bekalan dan mendirikan dan menyenggara dalam atau atas

tanah Kerajaan tiang dan kelengkapan lain yang pada pendapat Ketua Pengarah adalah perlu atau patut bagi maksud-maksud pepasangan berlesen, dan, sentiasanya tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, kebenaran tersebut boleh diberi atau ditambah pada bila-bila masa dalam tempoh sah lesen melalui endorsmen di atasnya di bawah tandatangan Ketua Pengarah.

(2) Semua kelengkapan yang ditempatkan dalam atau atas tanah Kerajaan jika tidak dialih dari situ dalam masa enam bulan, atau suatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri, selepas lesen yang membenarkan kelengkapan itu ditempatkan habis tempoh atau tamat dengan cara lain, hendaklah terletak pada dan menjadi harta Kerajaan Negeri di mana kelengkapan itu berada.”;

- (d) dengan menggantikan nombor “32” yang terdapat dalam seksyen 27 dengan nombor “26”; dan
- (e) dengan menggantikan perkataan-perkataan “bekalan tenaga” yang terdapat dalam perenggan (f) seksyen 38 dengan perkataan-perkataan “tenaga yang dibekalkan”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Elektrik 1949 (kemudian dari ini disebut “Akta”) dan Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983, dalam hal-hal tertentu.

- 2. *Fasal 1* bertujuan mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas dan tarikh-tarikh mula berkuatkuasa yang berlainan bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Rang Undang-Undang ini.
- 3. *Fasal 2* bertujuan meminda berbagai-bagai seksyen Akta yang mengandungi perkataan “apparatus” dengan menggantikannya dengan perkataan “equipment”.

4. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 2 Akta itu dengan memotong tafsiran bagi berbagai-bagai perkataan, dengan menggantikan berbagai-bagai perkataan dan dengan memasukkan tafsiran bagi perkataan-perkataan baru. Perenggan (c) bertujuan meminda tafsiran "authorised person" supaya bererti seseorang yang dilantik oleh Lembaga atau oleh kontraktor yang bertindak sebagai ejen Lembaga. Perenggan (g) bertujuan mengemukakan tafsiran bagi perkataan-perkataan "financial year". Perenggan (j) bertujuan meluaskan erti "public safety" dengan menambah perkataan-perkataan "airports" dan "ports". Pindaan-pindaan lain dalam fasal ini adalah pindaan-pindaan yang bertujuan menjadikan Akta lebih konsisten dengan Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983.

5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 15 Akta dengan mengadakan peruntukan supaya mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mematuhi standard keselamatan dan tidaklah boleh berlawanan dengan kehendak-kehendak Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983.

6. *Fasal 7, 9 dan 10* bertujuan mewajibkan Lembaga supaya mendapat kelulusan Menteri sebelum menjalankan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 44, 45 dan 47 Akta.

7. *Fasal 8* bertujuan memasukkan seksyen baru 44A untuk membenarkan Lembaga memperoleh atau mengambilalih pemasangan awam atau pemasangan persendirian. Ia juga mengadakan peruntukan mengenai cara-cara membayar pampasan kepada pemegang lesen yang mempunyai pemasangan itu.

8. *Fasal 11* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 49 Akta dengan mengadakan peruntukan supaya apa-apa perjanjian di antara Lembaga dengan mana-mana pemegang lesen untuk mengguna bersama talian bekalan utama itu hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat lesen.

9. *Fasal 13* bertujuan meminda seksyen 53 Akta. Di antara perkara lain, fasal itu bertujuan menghapuskan Pihak Berkuasa Negeri sebagai seorang penerima suatu notis bantahan yang akan diberi oleh Pemungut Hasil Tanah berhubungan dengan suatu notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2). Ia juga bertujuan menambah suatu subseksyen baru (9A) untuk membenarkan Pendaftar Geran Tanah mengarahkan, apabila dokumen yang berkenaan dikemukakan kepadanya, mengarahkan supaya dibuat dalam daftar dokumen hakmilik berhubungan dengan tanah yang terjejas dengan notis atau perintah itu, mengikut mana yang berkenaan, suatu catatan tentang wujudnya hak-hak di bawah notis atau perintah itu, mengikut mana yang berkenaan.

10. *Fasal 14* bertujuan meminda seksyen 54 Akta. Perenggan (a) bertujuan memperluaskan kewajipan-kewajipan Lembaga untuk menyelenggara dan membaiki pemasangan supaya termasuk kewajipan untuk melindungi keselamatan pemasangan itu. Perenggan (d) bertujuan memperluaskan kuasa Lembaga untuk memasuki mana-mana tanah berkaitan dengan penyelenggaraan, perbaikan dan perlindungan pemasangan supaya termasuk tanah yang talian bekalan dipasang berdekatan dengannya.

11. *Fasal 15* bertujuan meminda seksyen 55 Akta, antara lain, dengan menggantikan "public officer" dengan "the Collector of Land Revenue" sebagai pihak berkuasa yang akan menyasiasi rekuisisi membuang atau mengubah talian bekalan.

12. *Fasal 17* bertujuan meminda seksyen 57 Akta dengan memperluaskan pemakaian seksyen itu berhubungan dengan pampasan yang kena dibayar oleh Lembaga atas pemerolehan atau pemasangan stesen pilihan, masing-masing di bawah seksyen 44 dan 46, supaya termasuk pampasan yang kena dibayar kepada pemegang lesen sekiranya pengambilalihan atau pemerolehan pemasangan awam atau pemasangan persendirian kepunyaan seseorang pemegang lesen di bawah seksyen 44A.

13. *Fasal 18* bertujuan meminda seksyen 64 Akta dengan memberi kuasa kepada pegawai berkuasa Lembaga, semasa menjalankan pemeriksaan, menyita apa-apa barang atau benda yang semunasabahnya disyaki sebagai barang atau benda yang bersangkutan dengan kesalahan di bawah Akta atau yang dengannya suatu kesalahan telah dilakukan.

14. *Fasal 21* bertujuan meminda seksyen 75 Akta supaya memperluaskan kawasan perlindungan kerja-kerja elektrik kepunyaan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, atau Lembaga terhadap gangguan oleh mana-mana orang supaya memasukkan pembuatan "apa-apa benda lain" terhadap kerja itu. Ia juga bertujuan memberi hak kepada Lembaga untuk membuang apa-apa halangan atau menghentikan apa-apa gangguan atau memperbaiki apa-apa kerosakan terhadap apa-apa kerja elektrik atau kelengkapan kepunyaan Lembaga oleh mana-mana orang dan supaya kos pembuangan, penghentian atau perbaikan itu ditanggung oleh orang itu.

15. *Fasal 24* bertujuan meminda seksyen 85 Akta. Perenggan (b) bertujuan memperluaskan pemakaian seksyen itu, berhubungan dengan hak-hak Lembaga untuk memotong, memandangkan hal-keadaan bahawa suatu kesalahan adalah disyaki sedang dilakukan di bawah subseksyen (1), (3) dan (8) seksyen 86. Perenggan (e) bertujuan memotong subseksyen (2). Perenggan (g) bertujuan melanjutkan tempoh pemotongan bekalan dari satu bulan hingga tiga bulan. Perenggan (h) bertujuan memotong subseksyen (4) akibat daripada pemotongan yang dicadangkan kepada subseksyen (2). Perenggan (l) bertujuan tidak memerlukan kelulusan Lembaga bagi memotong bekalan kepada pengguna akibat daripada pemotongan yang dicadangkan kepada subseksyen (2).

16. *Fasal 25* bertujuan meminda seksyen 86 Akta dengan menambah berbagai-bagai penalti yang ditetapkan dalamnya.

17. *Fasal 26* bertujuan meminda seksyen 87 Akta. Perenggan (a) bertujuan memasukkan subseksyen (1), (3) dan (8) seksyen 86 dalam lingkungan yang dianggap curang berhubungan dengan perubahan indeks meter atau instrumen atau halangan, penarikan, penggunaan habis atau penggunaan tenaga sebagaimana diperuntukkan oleh seksyen ini. Perenggan (b) bertujuan memperluaskan bidang penentuan bukti berhubungan dengan apa-apa pendakwaan bagi

apa-apa kesalahan di bawah seksyen 86 (3) Akta supaya memasukkan keadaan fakta di mana adanya cara-cara artifisial sama ada bersendirian atau berserta dengan cara-cara artifisial tambahan yang tidak terjumpa, digunakan untuk mengganggu atau mengubah mana-mana pemasangan atau sebahagian daripadanya hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan bahaya kepada nyawa manusia atau anggota badan atau bencana kepada mana-mana radas atau harta lain. Perenggan (c) bertujuan memperluaskan penentuan bukti berhubungan dengan apa-apa pendakwaan bagi kesalahan di bawah seksyen 86 (3) Akta bagi memasukkan keadaan fakta di mana adanya cara-cara artifisial sama ada bersendirian atau berserta dengan cara-cara artifisial tambahan yang tidak terjumpa, akan membencanakan apa-apa meter atau lain-lain instrumen yang digunakan pada atau berserta dengan mana-mana pemasangan Lembaga bagi merekodkan output atau penggunaan habis tenaga. Perenggan (d) dan (e) bertujuan memperluaskan pemakaian penentuan keterangan *prima facie* mengenai kecurangan bagi memasukkan keadaan fakta di mana pemasangan, keabsenan, pengalihan atau gangguan akan mempermudah gangguan atau perubahan terhadap mana-mana pemasangan yang menyebabkan atau yang mungkin menyebabkan bahaya kepada nyawa manusia atau bencana kepada mana-mana radas atau harta lain atau jika pemasangan, keabsenan, pengalihan atau gangguan akan mempermudah bencana kepada mana-mana meter atau lain-lain instrumen yang digunakan pada atau berkaitan dengan mana-mana pemasangan Lembaga. Perenggan (f) bertujuan memperluaskan bidang kecurangan berhubungan dengan pemasangan, keabsenan, pengalihan atau gangguan ke atas apa-apa kelengkapan supaya termasuk gangguan atau perubahan masing-masing terhadap mana-mana pemasangan dan bencana terhadap mana-mana meter.

18. *Fasal 27* bertujuan meminda seksyen 89 Akta supaya menyekat pemakaian perenggan (k) subseksyen (1) bagi Lembaga berhubungan dengan kuasa Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan yang menetapkan kelayakan yang kena dimiliki oleh orang-orang yang diamanahkan membina, membangun, membaiki atau mengubah atau menjaga atau mengawal kendalian apa-apa pemasangan atau kelengkapan Lembaga.

19. *Fasal 29* bertujuan mengemukakan seksyen baru 91A untuk memberi hak kepada mana-mana pegawai atau pengkhidmat Lembaga yang diberikuasa bagi maksud itu oleh Lembaga untuk memulakan, hadir serta menjalankan dan menghadiri diri, bertindak dan membuat permohonan berkenaan dengan apa-apa prosiding sivil dan berkenaan dengan apa-apa pendakwaan jenayah berhubungan dengan sesuatu kesalahan yang ditetapkan di bawah Akta, dalam mana-mana mahkamah di Negeri-negeri Tanah Melayu.

20. *Fasal 30* bertujuan meminda Jadual Keempat kepada Akta dengan memotong dan menggantikan perkataan-perkataan tertentu dan khususnya bertujuan menggantikan Pihak Berkuasa Negeri dengan Pemungut Hasil Tanah yang menjadi pihak berkuasa untuk menetapkan tarikh pembicaraan sesuatu bantahan terhadap notis yang dikeluarkan di bawah seksyen 53 (2) Akta.

21. *Fasal 31* bertujuan meminda Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983, antara lain, untuk membolehkan pemegang lesen memasuki tanah Kerajaan bagi maksud mendirikan apa-apa talian bekalan dan kelengkapan lain sebagaimana yang perlu atau patut bagi maksud-maksud pepasangan berlesen.

22. Lain-lain pindaan kepada Akta adalah pindaan-pindaan yang berbangkit dengan wujudnya Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983. Pindaan-pindaan ini bertujuan menjadikan Akta lebih konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 dengan memotong, khususnya, semua perkataan yang berhubungan dengan "licence", licensee" atau "licensed installation", kerana kini perkara-perkara ini telah dipindahkan kepada Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U²) 1235; PN. (SBKA) 40.]